

5.1.1	Tatabahasa	Memahami dan menggunakan kata nama am dan kata nama khas yang tunggal dan yang mengalami pemajmukan dengan betul mengikut konteks.
-------	------------	--

Isi tempat kosong dengan **kata nama am** yang sesuai.

#Pastikan huruf besar bagi permulaan ayat.

1. Semenjak ada kemudahan _____, jarang-jarang orang mengirim surat menggunakan pos.
2. Pak Dollah menebang pokok betik yang telah mati itu dengan menggunakan _____.
3. Kenaikan harga tambang _____ membebankan ibu bapa yang mempunyai ramai anak yang bersekolah.
4. _____ yang memakan daun pokok bunga di halaman rumah itu mengembek apabila dihalau oleh ayah.
5. Pagi-pagi lagi, ibu dan kakak telah pergi ke _____ untuk membeli sayur-sayuran yang segar di situ.
6. Amirul, Ah Meng dan Mutu merupakan _____ bola sepak sekolah bawah 15 tahun.
7. Pak Cik Rosli itu berjaya menembak seekor rusa dengan selaras _____ ketika berburu di hutan
8. _____ itu berjaya mendarat dengan selamat walaupun tayar hadapannya gagal berfungsi.
9. Kepadatan penduduk di kampung _____ menyebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas.
10. _____ wajah setiap orang pasti akan pudar dan berkedut juga apabila kita semakin tua.